



BERMULA akhir tahun ini, pengguna Touch 'n Go tidak lagi perlu menambah nilai kad fizikal di premis perniagaan, sebaliknya boleh dilakukan menerusi aplikasi e-dompot.

Tambah nilai kad Touch 'n Go dengan e-dompot

M/S14 UTUSAN 10.2.2021

SAUDARA PENGARANG,

BERITA baik buat pengguna kad Touch 'n Go yang menjanjikan dua pembaharuan. Pertama, pemansuhan surcaj sebanyak 10 peratus apabila pengguna meletakkan kenderaan menggunakan kad tersebut. Kedua, tambah nilai kad fizikal boleh dibuat menerusi aplikasi e-dompot.

Selama ini berlaku kesulitan apabila pengguna perlu menambah baki identifikasi frekuensi radio (RFID) dan kad fizikal secara berasingan.

Dalam kenyataan terbaharu syarikat itu, pengguna bakal menikmati keselesaan kemudahan tambah nilai kad fizikal menerusi aplikasi e-dompot menjelang akhir tahun ini.

Dalam situasi pandemik Covid-19, langkah itu sepatutnya sudah diperkenalkan sejak tahun lalu, namun tidak pasti mengapa syarikat tersebut mengambil masa agak lama untuk mencari penyelesaian ini sedangkan ramai pengguna mengeluh mengenai perkara ini.

Langkah ini dapat mengelak orang ramai daripada berinteraksi dan bersentuhan semasa melakukan tambah nilai di kaunter, sekali gus dapat mengekang penularan pandemik Covid-19.

Pun begitu, kami berterima kasih kepada syarikat berkenaan yang akhirnya mengambil keputusan pintar dan mendengar keluhan pengguna.

AZAM MD. BAKREE
Kuala Lumpur